

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK	:	MEMOHON KELULUSAN UNTUK MEMBINA KOLAM TAKUNGAN BAGI MENANGANI BANJIR KILAT DI KOMPLEKS MPC WILAYAH UTARA
TARIKH	:	27 Julai 2020
TEMPAT	:	MPC Wilayah Utara (NRO)
KOS YANG TERLIBAT / PERUNTUKAN	:	Bajet Operasi Kecemasan (Tertakluk Kelulusan Peruntukan oleh MOF) RM285,000.00
BAHAGIAN/WILAYAH/ UNIT	:	MPC Pejabat Wilayah Utara (NRO)
IMPAK PROJEK	:	1. Memastikan keselamatan ke atas warga NRO, dokumen, peralatan dan kemudahan yang terdapat di MPC NRO. 2. Memberi keselesaan kepada warga dan pelanggan MPC NRO pada setiap masa. 3. Menjamin mutu perkhidmatan dan bagi memenuhi kepuasan pelanggan di MPC NRO.
BAKI PERUNTUKAN YANG ADA / TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN MPC

MEMOHON KELULUSAN UNTUK MEMBINA KOLAM TAKUNGAN BAGI MENANGANI BANJIR KILAT DI KOMPLEKS MPC WILAYAH UTARA

1.0 TUJUAN

1.1 Tujuan kertas cadangan ini adalah untuk mendapat kelulusan Lembaga Pengurusan MPC bagi memohon kelulusan untuk membina kolam takungan bagi menangani banjir kilat di kompleks MPC Wilayah Utara.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 MPC Wilayah Utara telah mengalami banjir kilat sebanyak 3 kali pada tahun 2019 dan sehingga Julai 2020. Pembangunan di sekeliling MPC Wilayah Utara telah menyebabkan pejabat MPC Wilayah Utara berada dikedudukan paling rendah berbanding dengan bangunan sekitarnya. Banjir kilat ini telah mengakibatkan MPC terpaksa menanggung kos kerugian penyelenggaraan dan menjejaskan pendapatan daripada sewaan bilik latihan, asrama dan dewan malahan, kesan daripada bencana ini telah menjejaskan imej MPC.

2.2 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menyarankan MPC membina kolam takungan air bagi mengelakkan berlakunya banjir kilat yang berulang (Rujuk **Lampiran 1**).


2.3 MPC NRO memohon peruntukan bagi perkara berikut:

- membina kolam takungan bersaiz 100' x 100' dengan kedalaman 8'
- membaiki longkang saliran
- memasang rumah pam beserta pam air
- membina pagar keselamatan


3.0 LAKARAN PELAN

3.1 Lakaran pelan pembinaan kolam takungan dan rumah pam adalah seperti berikut:

Rajah 1: Pelan Pembinaan Kolam Tadahan



Rajah 2: Pelan Pembinaan Rumah Pam



4.0 ANGGARAN PERBELANJAAN

4.1 Kos bagi projek pembinaan kolam takungan bagi menangani banjir kilat di kompleks MPC Wilayah Utara adalah seperti di jadual berikut:

BIL	RINGKASAN	HARGA (RM)
A	KERJA-KERJA AWALAN	3,000.00
B	KERJA-KERJA PEMASANGAN KABEL	170,000.00
C	KERJA-KERJA PEMBINAAN LONGKANG	54,825.00
D	KERJA-KERJA PEMBINAAN RUMAH PAM/KOLAM	57,175.00
	JUMLAH KESELURUHAN	285,000.00

4.2 Perincian Perbelanjaan adalah seperti di jadual berikut:

BIL	RINGKASAN	UNIT	KUANTITI	KADAR(RM)	HARGA (RM)
A	KERJA-KERJA AWALAN				
1	Menyediakan syarat-syarat tawaran termasuk insuran 'contractor's all risk' & workmen compensation's dan lain-lain keperluan khas yang berkaitan.	Pukal			1,000.00
2	Menyediakan laporan kemajuan kerja bergambar sebelum, semasa dan selepas kerja dilaksanakan.	Pukal			500.00
3	Program kerja menggunakan <i>Critical Path Method</i> (CPM)	Pukal			500.00
4	Menyediakan peralatan keselamatan dikawasan tapak kerja/binaan sepanjang kerja-kerja dijalankan seperti kon keselamatan atau papan tanda amaran dan lain-lain.	Pukal			1,000.00
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN				3,000.00


BIL	RINGKASAN	UNIT	KUANTITI	KADAR(RM)	HARGA (RM)
B	KERJA-KERJA PEMASANGAN KABEL				
	Membekal dan memasang kabel jenis 'Amour Cable' 8 core berukuran 16 mm diameter termasuk semua kelengkapan aksesori dan tenaga kerja.	M	300	180.00	54,000.00
	Membekal dan memasang 'Control Panel Board' termasuk semua kelengkapan aksesori dan tenaga kerja.	Set	1	12,000.00	12,000.00
	Membekal dan memasang 'Income Switch Board' termasuk semua kelengkapan aksesori dan tenaga kerja.	Set	1	8,000.00	8,000.00
	Membekal dan memasang Pam Motor jenis 3 fasa termasuk semua kelengkapan aksesori dan tenaga kerja.	Unit	2	48,000.00	96,000.00
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN				170,000.00

BIL	RINGKASAN	UNIT	KUANTITI	KADAR(RM)	HARGA (RM)
C	KERJA-KERJA MEMBINA LONGKANG				
1	Kerja tanggal dan buang longkang sedia ada	Pukal			3,000.00
2	Membekal dan memasang 900mm x 900mm longkang 'U' termasuk kerja panggalian	M	123	375.00	46,125.00
3	Kerja-kerja membina kekotak sum jenis konkrit dengan ketebalan 125mm bersaiz 1,200mm x 1,200mm termasuk penutup jenis jeriji besi.	No	2	1,400.00	2,800.00
4	Membekal dan membina 900mm x 1,800mm salur keluar (<i>Outlet Bank/ strainer</i>) termasuk dinding	No	1	2,900.00	2,900.00
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN				54,825.00

BIL	RINGKASAN	UNIT	KUANTITI	KADAR(RM)	HARGA (RM)
D	KERJA-KERJA PEMBINAAN RUMAH PAM/KOLAM				
1	Membina satu unit Rumah Pam bersaiz 4.00m x 3.00m	No	1	20,000.00	20,000.00
2	Membekal dan memasang pagar 'Chain Link' berketinggian 2.40m	M	132	85.26	11,255.00
3	Membina kolam takungan air berkedalaman 1.5m dari paras tanah termasuk kerja lapikan batu bersaiz 6"x 9" pada bahagian lantai dan dibaluti dengan <i>concrete</i> bergred G20 serta BRC saiz A6	M3	648	40.00	25,920.00
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN				57,175.00

5.0 SYOR/PERAKUAN

Diusulkan untuk pertimbangan lanjut Ahli Lembaga Pengurusan MPC (BOM) bagi meluluskan cadangan pembinaan kolam takungan bagi menangani banjir kilat di kompleks MPC Wilayah Utara.

	Disediakan	Disemak	Disahkan
Tandatangan			
Nama	Norhayati Harun	Mohd Khairil Anuar Amir Hamzah	Dr. Mazrina Mohamed Ibramsah
Jawatan	Penolong Jurutera	Pengurus	Pengarah Wilayah
Tarikh	27 Julai 2020	27 Julai 2020	27 Julai 2020

SURAT ULASAN TEKNIKAL DARIPADA MBSP



Majlis Bandaraya Seberang Perai
Menara Bandaraya Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia
www.mbsp.gov.my Aduan: MyMBSP

+604-549 7555 +604-538 9700
Bebas Tol: 1-800-88-6777
Call Centre: +604-2 69 69 69



Ruj. Kami : MBSP/50/6-2/14 Bah 2 (13)
Tarikh : 13 Jun 2020

Pengarah
Wilayah Utara
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Beg Berkunci 206,
Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir,
13200 Kepala Batas,
Seberang Perai Utara Pulau Pinang,

Tuan,

MESYUARAT BAGI MENANGANI MASALAH BANJIR YANG DIHADAPI PEJABAT MPC WILAYAH UTARA

-Ulasan Teknikal Secara Umum

Merujuk perkara di atas,

2. Satu lawatan telah diadakan pada 18.12.2019 bersama pihak MPC, TNB dan MBSP berkaitan isu banjir kilat yang terjadi di kawasan terbabit. Hasil daripada pemantauan pihak Majlis mendapati kawasan terbabit merupakan kawasan **low-land area** yang mana mempunyai aras yang rendah dari aras Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir. Majlis mengesyorkan MPC untuk membina kolam takungan bagi menampung jumlah isipadu air di dalam kawasan MPC supaya dapat mengurangkan risiko banjir.

Sekian. Harap Maklum.

"CEKAP, AKAKUNTABILITI, TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HJ.BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID)

Pemangku Pengarah Kejuruteraan
b.p Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai
✉ : badrul@mbasp.gov.my
☎ : 04-5497412
ShahAAMine_sarungbagi

"Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan"
(Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow)

